

**SENARAI SEMAK
(BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA)**

Senarai Semak ini hendaklah dimasukkan sebagai muka surat pertama bagi dokumen cadangan tawaran Penyebutharga. Sila tandakan (✓) bagi dokumen yang disertakan.

**SEBUTHARGA 10 / 2013: BEKALAN HADIAH KORPORAT BAGI KEGUNAAN PEJABAT
SME CORP. MALAYSIA**

Bil.	Perkara / Dokumen	Ditanda Oleh Syarikat	Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (bekalan / perkhidmatan)		
2.	Lampiran Q telah lengkap diisi dan ditandatangani		
3.	Spesifikasi dan Pematuhan telah diisi dan ditandatangani – Lampiran A		
4.	Borang Maklumat Penyebutharga - Lampiran B		
5.	Melengkapkan dan menandatangani Borang <i>Integrity Pact</i> - Lampiran C		
6.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terakhir		
7.	Lain-lain dokumen / maklumat tambahan seperti <i>profile</i> syarikat / sample / katalog. Jika ada, sila nyatakan/lampirkan		
8.	Surat Perwakilan Kuasa (jika berkenaan)		

PENGESAHAN OLEH PENYEBUTHARGA

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

**UNTUK KEGUNAAN
SME CORP. MALAYSIA**

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dengan ini mengesahkan menerima dokumen bertanda (√) kecuali bagi perkara bil. (jika ada).

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

PEROLEHAN SECARA SEBUTHARGA SME CORP. MALAYSIA

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua item atau sebahagian item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah, sebahagian atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa bekalan / perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada spesifikasi yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebutharga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Para (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan penyebutharga memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau SME Corp. Malaysia terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan kedalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan

- (ii) Apa-apa kerugian kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penyebutharga.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebahagian atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Penyebutharga adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya / lengkap:-

- (a) Senarai Semak yang lengkap diisi;
- (b) Pematuhan spesifikasi, harga dan tandatangan Penyebutharga di **Lampiran Q dan Lampiran A**
- (c) Borang Maklumat Penyebutharga di **Lampiran B**;
- (d) Borang Akuan *Integrity Pact* di **Lampiran C**;

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat di atas, Penyebutharga hendaklah menandatangani ringkas semua pembedulan / pindaan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga serta tajuk sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam **Notis Sebut Harga**;
- (b) Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebutharga hendaklah menghantar Dokumen tersebut denganpos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan; dan
- (c) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, terbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebutharga boleh menghubungi pegawai yang berkenaan sepertimana yang dinyatakan dalam laman sesawang SME Corp. Malaysia.

3. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

4. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Cadangan tawaran Penyebutharga hendaklah sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup Sebutharga. Penyebutharga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib boleh diambil sekiranya penyebutharga menarik balik tawaran sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

BORANG MAKLUMAT PENYEBUTHARGA

1. NAMA SYARIKAT :
2. ALAMAT :
3. NO. TELEFON / FAKS :
4. TARIKH DITUBUHKAN :
5. JENIS PERNIAGAAN :
6. PROFAIL SYARIKAT :
7. PENGARAH :
 - 1.
 - 2.
 - 3.
8. PEMEGANG SAHAM :
 1. (%)
 2. (%)
 3. (%)
9. OBJEKTIF UTAMA PERNIAGAAN :
 - a.
 - b.
 - c.
 - d.
10. PENDAFTARAN SYARIKAT ”
 - a. No. Pendaftaran :
 - b. Tarikh Ditubuhkan :

11. PENDAFTARAN PERBENDAHARAAN :

- a. No. Pendaftaran :
 - b. Tarikh Mula Pendaftaran :
 - c. Tarikh Tamat Pendaftaran :
 - d. Bidang Pendaftaran :
- i.
 - ii.
 - iii.
 - iv.

1. STATUS SYARIKAT :

- a. 100% keupayaan Syarikat Tempatan
- b. Perkongsian Antara Syarikat Tempatan/Luar Negeri
- c. Syarikat Luar Negeri
- d. Lain-lain (nyatakan)

2. PERATURAN KAKITANGAN :

- a. Bumiputera :
- b. Bukan Bumiputera :
- c. Pelabur Asing :

3. STRUKTUR MODAL SYARIKAT :

- a. Dibenarkan : RM
- b. Berbayar : RM

4. BANK :

- a. Nama :
- b. No. Akaun Bank :
- c. Alamat :

5. BILANGAN KAKITANGAN :

- | | Bumiputera
Lain-lain | Bukan
Bumiputera |
|------------------------------|-------------------------|---------------------|
| a. Pentadbiran / Pengurusan: | | |
| b. Teknikal / Profesional: | | |
| c. Lain-lain (nyatakan): | | |

6. SENARAIKAN SEMUA PENGALAMAN YANG PERNAH DIURUSKAN UNTUK TEMPOH 3 TAHUN KEBELAKANGAN (sila sertakan sijil / gambar)

7. PERAKUAN :

Saya / Kami mengaku bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama/Jawatan :

Cop Syarikat :

Tarikh :

BORANG AKUAN (INTEGRITY PACT)

SEBUTHARGA 10 / 2013: BEKALAN HADIAH KORPORAT BAGI KEGUNAAN SME CORP. MALAYSIA

Saya, nombor K.P..... yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam SME Corp. Malaysia atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan mendapatkan pelawaan Sebutharga seperti di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau member rasuah kepada mana-mana individu dalam SME Corp. Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai sogokan mendapatkan Tender seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi Sebutharga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi Sebutharga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan mendapatkan Sebutharga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

4. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini (jika berkenaan).

Yang benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :